

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
ONLINE

DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.  
HANYA RM30 SEBULAN.

LANGGANI SEKARANG



Lurking Woods Karya anak tempatan di Australia  
Wartawan Sinar Harian  
13 Ogos 2015



**BUAT** julung kalinya sebuah produksi anak Malaysia yang berpangkalan di Australia bakal menerbitkan sebuah filem suspens thriller untuk tayangan antarabangsa, penghujung tahun ini.

Karya berjudul Lurking Woods oleh Rodman Pictures ini mendapat sentuhan pengarah dan bekas pelakon stuntman juga dari Malaysia, Rizal Halim.

Pengarah Urusan Rodman Pictures, Rodney Manikam berkata, filem yang mempertaruhkan pelakon Australia sepenuhnya itu kini dalam pasca pengeluaran dan dijangka siap untuk tayangan perdana filem pada bulan September atau Oktober ini.

“Kami pada mulanya memikirkan sebuah filem genre lain tetapi memikirkan faktor kos dan bajet yang lebih kecil, kami telah menciptakan Lurking Woods. Filem ini mengisahkan tentang enam sahabat terperangkap dalam tragedi pembunuhan sewaktu mengadakan percutian di sebuah lokasi cantik di Australia Barat.

“Saya menggunakan khidmat seorang lagi rakyat Malaysia, Desmond Hew yang merupakan banker untuk menulis skrip filem ini. Desmond menyiapkan draf skrip dalam tempoh dua minggu seperti yang saya mahu dan kami menjalankan penggambaran selama sembilan hari sahaja. Satu pencapaian yang baik daripada semua kru terlibat,” katanya pada sidang media filem itu, baru-baru ini.

Sementara itu, Rizal, 44, berkata, mereka merancang untuk menghantar filem berdurasi 80 minit tersebut ke pelbagai festival filem di peringkat antarabangsa.

Beliau yang pernah membintangi filem The Hired Killer bersama Rodman pada 2005 menggunakan teknologi kamera beresolusi 6K untuk menyempurnakan Lurking Woods.

“Saya mendapat kepercayaan Rodman untuk mengarahkan filem ini setelah beliau berpuas hati dengan pencapaian filem pendek berjudul Stil Life yang pernah ditayangkan di Cannes Film Festival pada 2014. Ketika itu saya bertindak sebagai Pengarah Fotografi,” katanya.

Filem dengan kos berjumlah RM1.5 juta ini merupakan taruhan pertama Rizal bagi pasaran Australia dan negara lain sebelum dibawa masuk ke Malaysia untuk tontonan peminat genre suspens thriller di negara ini.

Artikel Berkaitan



[Lurking Woods Karya anak tempatan di Australia](#)

BUAT julung kalinya sebuah produksi anak Malaysia yang berpangkalan di Australia bakal menerbitkan sebuah filem suspens thriller untuk tayangan antarabangsa, penghujung tahun ini.